

**DAP sembunyi masalah dalaman parti**  
**Utusan Online**  
**20 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 19 Mac - Jawatankuasa Disiplin DAP dilihat gagal menyelesaikan masalah dalaman parti itu sebaliknya cuba menyembunyikan konflik yang berlaku di antara Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Kedua, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengerusinya, Karpal Singh daripada pengetahuan umum.

Setiausaha Pengelola Kebangsaan MCA, Datuk Tee Siew Kiong berkata, parti pembangkang itu tidak dapat menyelesaikan pergelutan berkenaan dan cuba mencipta tanggapan ilusi kepada masyarakat untuk menunjukkan bahawa ahli-ahli DAP adalah bersatu padu.

"Ini jelas menunjukkan DAP cuba menutup konflik dalaman parti supaya ia tidak menjejaskan peluang parti itu untuk memenangi pilihan raya umum akan datang apabila terdesak membuat keputusan bahawa Ramasamy tidak melanggar mana-mana peraturan parti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Siew Kiong, parti pembangkang terbabit bukan sahaja mempunyai konflik kepentingan dalaman tetapi juga mempraktikkan amalan *double standard* yang mana Ramasamy pernah mendakwa pemimpin DAP cuba mendekatinya untuk mendapatkan kontrak dan projek pada Disember tahun lalu.

"Jawatankuasa itu juga gagal mengemukakan sebarang hasil siasatan berhubung dakwaan Ramasamy, walaupun tempoh masa telah melebihi tiga bulan dan ini sekali lagi menunjukkan pembangkang cuba menyembunyikan kelemahan mereka dengan mengamalkan *gag orders*.

"Saya juga hairan kenapa Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng terus berdiam diri dan ini memberi gambaran bahawa beliau seperti cuba mengelakkan dalam isu tersebut," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Sebatang.

Katanya, rakyat mempunyai hak untuk mengetahui hasil siasatan mengenai dakwaan Ramasamy itu yang turut melibatkan kegiatan rasuah pembangkang.

"DAP sebagai sebuah parti dalam pakatan pembangkang seharusnya bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan mereka kerana rakyat berhak mendapatkan penjelasan daripada kerajaan negeri," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0320&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0320&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)